

**Penyelarasan Fatwa  
Di Malaysia:  
Kewajaran dan  
Kekangan**



# Penyelarasan Fatwa Di Malaysia: Kewajaran dan Kekangan

Oleh:  
**LOKMANULHAKIM BIN HUSSAIN**  
Karyawan Tamu Infad

INFAD  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
Negeri Sembilan  
**2013**

**CETAKAN PERTAMA 2013**

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

**INFAD**

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai

71800 Nilai

Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel:06-798 8588/8590 | Faks:06-798 8591

[www.infad.usim.edu.my](http://www.infad.usim.edu.my)

Dicetak di Malaysia oleh:

**PERCETAKAN CAHAYA MURNI**

Wisma PCM, No.40

Senawang Business Park

70450 Seremban

Negeri Sembilan

Tel : 06-678 8118/8558 | Faks : 06-678 8228

[pcmnsida@gmail.com](mailto:pcmnsida@gmail.com)

Perpustakaan Negara Malaysia Data

Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Lokmanulhakim Hussain

Monograf penyelarasan fatwa di Malaysia: kewajaran dan kekangan /

oleh: Lokmanulhakim bin Hussain, Karyawan Tamu INFAD

ISBN: 978-967-0393-78-0

I. Fatwas--Malaysia. 2. Adivory opinions (Islamic law)--Malaysia.

I. Karyawan Tamu INFAD. II. Judul.

340.59

## PENDAHULUAN

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai badan fatwa yang tersusun dan bersistematik jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Di peringkat Pusat, terdapat Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang dianggotai oleh seorang pengerusi, mufti-mufti dari setiap negeri, beberapa anggota yang dilantik dari kalangan tokoh ilmunan, dan seorang pakar undang-undang yang dilantik. Manakala di peringkat negeri pula, setiap negeri di Malaysia mempunyai badan fatwa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Fatwa.

Kepelbagaian badan fatwa ini dengan masing-masing di bawah autoriti yang berbeza menyebabkan kedapatan banyak fatwa-fatwa yang diputuskan oleh jawatankuasa fatwa negeri berbeza-beza, malahan sebahagian daripadanya bercanggahan antara satu sama lain. Kewujudan perbezaan fatwa yang sesetengahnya amat ketara menyebabkan timbulnya beberapa masalah dan kekeliruan dalam masyarakat, terutamanya dari kelompok yang kurang mendapat pendedahan tentang prinsip perbezaan pendapat di dalam Islam.

Percanggahan fatwa antara institusi-institusi fatwa di negara kita telah beberapa kali menimbulkan isu hangat dalam masyarakat, sehingga dalam sesetengah kes kedengaran suara-suara yang mempertikaikan kewibawaan institusi-institusi fatwa samada di peringkat kebangsaan atau negeri. Ini adalah satu perkembangan yang tidak sihat terhadap institusi ulama secara amnya dan badan-badan fatwa di negara kita secara khasnya. Lantaran itu, bagi meminimakan pandangan negatif terhadap institusi fatwa ekoran percanggahan fatwa, maka idea dan teori penyelarasan fatwa antara badan-badan fatwa ditimbulkan dan dicadangkan untuk diimplementasikan dalam sistem pempfatwaan di Malaysia.

## **PENUTUP**

Dalam mencari penyelesaian isu penyelarasan fatwa di Malaysia, kita seharusnya melihat isu ini dari kacamata yang lebih luas tanpa meminggirkan prinsip-prinsip asas dalam Syariah. Kemaslahatan dan kebaikan wujudnya penyelarasan fatwa sememangnya didambakan terutama bagi menyerlahkan kewibawaan institusi fatwa di Malaysia. Keseragaman fatwa antara peringkat negeri dan kebangsaan akan menjadikan institusi agama Islam lebih dihormati terutama di negara yang bermasyarakat majmuk. Kesamaran dan tohmahan golongan yang tidak faham terhadap institusi fatwa disebabkan percanggahan hukum dapat diminimakan. Namun, penyelarasan fatwa jika dapat diimplementasikan, hendaklah berjalan seiring dengan prinsip-prinsip Syariah. Objektif Syariah sewajarnya dijadikan panduan agar ia tidak dipinggirkan demi mencapai objektif manusiawi. Oleh itu, pertimbangan antara maslahat dan mafsadah dalam isu penyelarasan fatwa adalah sangat penting.

